



BULETIN SUHAKAM

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

Edisi Oktober - Disember 2023 Bil 3/2023 *ISSN 1823-3392* Percuma



Sambutan Hari Hak Asasi Manusia 2023

muka surat 20



**SUHAKAM Bersama Masyarakat (SBM)
di Perkampungan Orang Asli Manok,
Jeli, Kelantan**

muka surat 8

**Majlis Pelancaran Ringkasan Dasar mengenai
Hak Pendidikan Kanak-kanak Pelarian dan
Tanpa Kewarganegaraan**

muka surat 18



SIDANG REDAKSI

Penasihat
Altaf Deviyati
Setiausaha

Syamsul Azhar Zamani
Ketua Penolong
Setiausaha

Editor
**Muhammad Syafiq Ikhwan
Ghazali**
Penolong Setiausaha

Pereka Grafik
Nur Naillah Mohd Sani
Pembantu Tadbir

**Dicetak oleh
PERNIAGAAN NORMAHS**
No. 3,5 & 7 Jalan 12/10
Taman Koperasi Polis Fasa 1
68100 Mukim Batu
Kuala Lumpur



BULETIN
SUHAKAM
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

Edisi Oktober - Disember 2023 Bil 3/2023 *ISSN 1823-3392* Percuma



Sambutan Hari Hak Asasi Manusia 2023

muka surat 20



SUHAKAM Bersama Masyarakat (SBM) di
Perkampungan Orang Asli Manok, Jeli,
Kelantan
muka surat 8

Majlis Pelancaran Ringkasan Dasar mengenai
Hak Pendidikan Kanak-kanak Pelarian dan
Tanpa Kewarganegaraan
muka surat 18



© Hak cipta terpelihara Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). Sebarang terbitan semula perlulah mendapat keizinan daripada SUHAKAM atau pengakuan sumber dibuat. SUHAKAM tidak akan bertanggungjawab akibat menyalin dan menyiarkan semula tanpa keizinan.



04	<ul style="list-style-type: none"> Jemputan panel Program <i>Malaysia's Journey in Implementing Human Rights in Business Practices</i> - Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Sesi ke-54 Sesi <i>Exit Conference</i> Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan SUHAKAM tahun 2021
05	<ul style="list-style-type: none"> Program <i>Say No To Bully</i> di Sekolah Menengah Kebangsaan Pedu anjuran SUHAKAM dan Pusat Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia Pertemuan gabungan ACT4CAT bersama kedutaan Switzerland di Malaysia
06	<ul style="list-style-type: none"> Pameran bersempena program <i>Human Trafficking Youth Awareness</i>
07	<ul style="list-style-type: none"> Konvensyen Hak Asasi Manusia Menurut Perspektif Islam anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
08	<ul style="list-style-type: none"> SUHAKAM Bersama Masyarakat (SBM) di Perkampungan Orang Asli Manok, Jeli, Kelantan
09	<ul style="list-style-type: none"> Lawatan ke Pejabat Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Filipina (CHRP)
10	<ul style="list-style-type: none"> Syarah <i>Stateless Issues in Malaysia From Human Rights Perspectives</i> di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
11	<ul style="list-style-type: none"> Kunjungan hormat kepada Konsulat Jeneral Republik Indonesia di Kuching, Sarawak Lawatan delegasi pelajar <i>Gyeongsang National University</i>, Korea Selatan ke pejabat SUHAKAM
12	<ul style="list-style-type: none"> Forum sedekad (2013 - 2023) selepas Inkuiri Nasional mengenai hak Tanah Orang Asal dan Orang Asli SUHAKAM
13	<ul style="list-style-type: none"> Bengkel dalam Mengatasi Masalah Kesusakan di Penjara: Pendekatan Praktikal dan Dasar Persidangan Antarabangsa 2023 Mengenai Pembangunan Hak Asasi Manusia
14	<ul style="list-style-type: none"> Webinar Sistem Undi Pos Luar Negara: Peranan, Isu, Cabaran dan Cadangan untuk Masa Hadapan
15	<ul style="list-style-type: none"> Bengkel Rintis Modul Hak Asasi Manusia untuk Pendidik
16	<ul style="list-style-type: none"> Persidangan Serantau <i>Midterm Review and Progress ASEAN Enabling Masterplan 2025</i>
17	<ul style="list-style-type: none"> Bengkel Peranan Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRI) dan Organisasi Masyarakat Sipil (CSO) dalam Pemantauan dan Pelaporan Badan Tritis di Malaysia
18	<ul style="list-style-type: none"> Majlis Pelancaran Ringkasan Dasar mengenai Hak Pendidikan Kanak-kanak Pelarian dan Tanpa Kewarganegaraan
19	<ul style="list-style-type: none"> Sambutan Pesta Hak Asasi Manusia Sarawak 2023
20	<ul style="list-style-type: none"> Sambutan Hari Hak Asasi Manusia 2023
21	<ul style="list-style-type: none"> Sorotan lensa sekitar Sambutan Hari Hak Asasi Manusia 2023
22	<ul style="list-style-type: none"> Mesyuarat bersama Bahagian Siasatan Jenayah Seksual Wanita dan Kanak-kanak (D11), Bukit Aman
23	<ul style="list-style-type: none"> Kunjungan ke atas Pengerusi Institut Pengajian Islam Lanjutan Antarabangsa (IAIS)

JEMPUTAN PANEL PROGRAM MALAYSIA'S JOURNEY IN IMPLEMENTING HUMAN RIGHTS IN BUSINESS PRACTICES - MAJLIS HAK ASASI MANUSIA PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB) SESI KE-54



SUHAKAM yang diwakili oleh Pesuruhjaya Encik Ragunath Kesavan telah dijemput sebagai ahli panel program *Malaysia's Journey in Implementing Human Rights in Business Practices* dalam Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Sesi ke-54 yang telah diadakan secara hibrid.

Encik Ragunath Kesavan semasa sesi pembentangnya berkongsi mengenai usaha-usaha yang dilakukan oleh SUHAKAM khususnya dalam bidang perniagaan dan hak asasi manusia, termasuklah penganjuran pelbagai bengkel melibatkan perniagaan Perusahaan Bersaiz Kecil dan Sederhana (PKS), Rangka Kerja Strategik Pelan Tindakan Kebangsaan Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR), usaha SUHAKAM berkaitan buruh paksa terutamanya yang melibatkan pekerja migran dan pelbagai inisiatif lain.

Beliau turut menekankan bahawa SUHAKAM mempunyai hubungan kerja yang kuat dengan Kerajaan dan menyokong padu usaha Kerajaan dalam membangun dan melaksanakan Pelan Tindakan Kebangsaan Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia.



3 OKTOBER 2023

SESI EXIT CONFERENCE LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN SUHAKAM TAHUN 2021

SUHAKAM dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) amat berbesar hati apabila sesi *Exit Conference* bagi Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan SUHAKAM tahun 2021 buat julung kalinya berjaya diadakan di Hotel Novotel, Kuala Lumpur. Sesi tersebut yang melibatkan pelbagai agensi Kerajaan berkaitan bertujuan mempersiapkan setiap agensi dengan senarai maklum balas menjelang sesi perbincangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan SUHAKAM bagi tahun 2021 dalam Sidang Dewan Rakyat.



4 OKTOBER 2023

PROGRAM SAY NO TO BULLY DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PEDU ANJURAN SUHAKAM DAN PUSAT PENGAJIAN ANTARABANGSA, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Masalah buli di sekolah bukan sahaja memberi kesan negatif sementara kepada mangsa, malah lebih buruk ia boleh menyebabkan kematian. Masalah ini turut mencabar sekolah selaku sebuah institusi yang bertanggungjawab membina ilmu, jati diri dan kemenjadian pelajar. Menyedari hakikat tersebut, Pusat Pengajian Antarabangsa (SoIS) Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama SUHAKAM telah menganjurkan program Say No To Bully di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pedu, Kuala Nerang, Kedah.

Wakil SUHAKAM, Cik Nur Adlin Abd Ghaffar telah menyampaikan ceramah dalam program yang melibatkan seramai 75 orang pelajar SMK Pedu tersebut. Selain itu, sejumlah 22 orang fasilitator, termasuk pensyarah, staf pentadbiran dan pelajar SoIS turut terlibat. Majlis juga merakamkan penghargaan atas kesudian Dr. Siti Darwinda Mohamed Pero, Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) SoIS hadir dalam program tersebut.



5 OKTOBER 2023

PERTEMUAN GABUNGAN ACT4CAT BERSAMA KEDUTAAN SWITZERLAND DI MALAYSIA

Umum mengetahui usaha advokasi berterusan yang dilakukan oleh SUHAKAM agar Kerajaan meratifikasi Konvensyen Menentang Penyeksaan Dan Layanan Atau Hukuman Lain Yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan Atau Menjatuhkan Maruah (UNCAT). Sehubungan itu, satu pertemuan antara Wakil Kedutaan Switzerland di Malaysia dengan wakil SUHAKAM dan Gabungan ACT4CAT telah berlangsung di Swiss Residence, Kuala Lumpur. Selain SUHAKAM, anggota lain Gabungan ACT4CAT adalah terdiri daripada Amnesty International Malaysia, Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) dan Lawyers for Liberty (LFL). Antara matlamat pertemuan tersebut adalah untuk meneroka potensi kerjasama dua hala antara Switzerland dan Gabungan ACT4CAT dalam aktiviti berkaitan pencegahan penyeksaan seterusnya usaha advokasi ke arah ratifikasi UNCAT.


SUHAKAM merakamkan penghargaan atas inisiatif Kedutaan Switzerland di Malaysia dan berharap impian ini dapat direalisasikan dalam masa terdekat.



10 - 11 OKTOBER 2023

PAMERAN BERSEMPENA PROGRAM HUMAN TRAFFICKING YOUTH AWARENESS

Tarikh: 10 dan 11 Oktober 2023
Tempat: Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya



12 OKTOBER 2023

KONVENSYEN HAK ASASI MANUSIA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM ANJURAN JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

SUHAKAM yang diwakili oleh Pesuruhjaya Datuk Mohamad Nordin Ibrahim telah dijemput untuk menyampaikan ucap-tama dalam Konvensyen Hak Asasi Manusia Menurut Perspektif Islam anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Sebanyak 6 kertas kerja yang berkisar tentang Islam dan Hak Asasi Manusia telah dibentangkan seperti berikut:

- Islam dan Hak Asasi Manusia
- Peranan Suruhanjaya Bebas Tetap Hak Asasi Manusia (IPHRC) Dalam Membina Naratif Hak Asasi Manusia Negara Anggota Pertubuhan Kerajaan Islam (OIC)
- *Universal Declaration of Human Rights* dan *Cairo Declaration of Human Rights in Islam*: Satu Perbandingan
- Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan Undang-undang Keluarga Islam
- Kebebasan Beragama dalam Konteks Perlembagaan Persekutuan
- *Comprehensive Sexuality Education (CSE)*: Perspektif Islam





SUHAKAM BERSAMA MASYARAKAT (SBM) DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI MANOK, JELI, KELANTAN



SUHAKAM menerusi Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak (OCC) dan Bahagian Pendidikan dan Kemasyarakatan (EOD) telah menganjurkan program SUHAKAM Bersama Masyarakat (SBM) dan Program Pendidikan dan Kesedaran Mengenai Hak Kanak-kanak bertempat di Perkampungan Orang Asli Manok, Sungai Rual, Jeli, Kelantan.

Fokus utama program adalah untuk memberi pendedahan mengenai kepentingan pendidikan khususnya kepada kanak-kanak orang asli di kampung tersebut. Dr. Farah Nini Dusuki, Pesuruhjaya Kanak-kanak telah membentangkan statistik dan impak negatif atas pengabaian terhadap hak pendidikan kanak-kanak. Matlamat pembentangan tersebut ialah untuk menambah baik kefahaman dan persepsi orang Asli terhadap isu kepentingan pendidikan khususnya demi perkembangan kanak-kanak orang Asli itu sendiri. Penting untuk mereka memahami bahawa pendidikan kanak-kanak orang asli tidak terhad kepada pendidikan arus perdana semata-mata sebaliknya turut merangkumi pendidikan yang bersesuaian dengan tradisi masyarakat orang asli agar kesinambungan dan kelangsungan hidup mereka lebih terjamin.





LAWATAN KE PEJABAT SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA FILIPINA (CHRP)

Bersempena lawatan kerja ke Filipina, delegasi SUHAKAM berpeluang mengadakan lawatan ke Pejabat Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Filipina atau *Commission on Human Rights of the Philippines* (CHRP) di Quezon City, Manila. Delegasi SUHAKAM disambut oleh Pengerusi CHRP, Hon. Richard P. Palpal Latoc dan barisan pegawai CHRP.

Hasil lawatan tersebut, pelbagai amalan terbaik yang dilaksanakan oleh CHRP boleh dijadikan contoh untuk memperkasa fungsi dan mandat SUHAKAM seperti:

- Pengwujudan lebih banyak pejabat SUHAKAM, antaranya mengikut pecahan zon; Utara, Selatan dan Pantai Timur.
- Penubuhan Bahagian Forensik yang terdiri daripada Pegawai Perubatan Forensik dan Pembantu Makmal yang diiktiraf bagi membolehkan siasatan kematian bagi mana-mana kes berkaitan dijalankan oleh SUHAKAM. Hal ini mustahak bagi memperkukuh kredibiliti SUHAKAM selaku sebuah badan bebas, selari dengan garis panduan yang dinyatakan dalam Prinsip Paris (*Paris Principles*).
- Penyediaan khidmat tambahan kepada rakyat seperti khidmat guaman, bantuan kewangan dan perlindungan kepada saksi, sejajar dengan usaha untuk meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap perjuangan SUHAKAM dalam melindungi hak asasi manusia di Malaysia.



SYARAHAN STATELESS ISSUES IN MALAYSIA FROM HUMAN RIGHTS PERSPECTIVES DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

Satu siri syarahan bertajuk *Stateless Issues in Malaysia From Human Rights Perspectives* anjuran SUHAKAM dengan kerjasama Pusat Kajian Undang-Undang Antarabangsa dan Siyar (CILAS), Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah diadakan di kampus UKM, Bangi. Program yang dijalankan secara hibrid itu dihadiri oleh 159 peserta yang terdiri daripada pelajar dan pensyarah undang-undang UKM.

Antara tujuan utama siri syarahan ini diadakan ialah:

- untuk mempromosi dan berkongsi hasil dapatan Laporan Kajian SUHAKAM Mengenai Hak Asasi Manusia dan Tanpa Kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia bagi memastikan jangkauan maklumat yang lebih luas, terutamanya kalangan pelajar dan orang awam.
- untuk mewujudkan dan meningkatkan kesedaran kepada golongan mahasiswi tentang isu tanpa kewarganegaraan dan kesannya kepada golongan yang terjejas.

Pada sesi tersebut, Pesuruhjaya Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal telah membentangkan hasil dapatan Laporan Kajian SUHAKAM Hak Asasi Manusia dan Tanpa Kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia manakala Pesuruhjaya Encik Ragunath Kesavan mengupas topik berkaitan Inisiatif SUHAKAM dalam Isu Hak Tanpa Kewarganegaraan.



10 NOVEMBER 2023

KUNJUNGAN HORMAT KEPADA KONSULAT JENDERAL REPUBLIK INDONESIA DI KUCHING, SARAWAK

Delegasi Pejabat SUHAKAM Sarawak yang diketuai oleh Pesuruhjaya Dr. Chew Chee Ming telah mengadakan kunjungan hormat buat julung kalinya kepada Yang Berhormat Raden Sigit Witjaksono, Konsul Jenderal Republik Indonesia di Kuching, Sarawak.

Antara perkara yang dibincangkan ialah isu status kewarganegaraan, hak kanak-kanak, kemudahan *Community Learning Centre* (CLC), isu buruh paksa, isu pekerja migran yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri serta pelbagai isu hak asasi manusia berkaitan negeri Sarawak yang lain.

Pada kesempatan sesi perbincangan tersebut, YB Raden Sigit Witjaksono turut berkongsi mengenai perkembangan pelaksanaan Program Rekalisasi Tenaga Kerja (RTK 2.0) yang merupakan satu program khas oleh Kerajaan bagi meregularisasikan status warganegara Indonesia sedia ada di Sarawak sebagai pekerja asing yang sah.



14 NOVEMBER 2023

LAWATAN DELEGASI PELAJAR GYEONGSANG NATIONAL UNIVERSITY, KOREA SELATAN KE PEJABAT SUHAKAM

SUHAKAM telah menerima kunjungan delegasi pelajar dari Gyeongsang National University, Korea Selatan selaras dengan projek *Global Leadership Program* yang dikendalikan delegasi pelajar tersebut yang bertemakan *Improving the Welfare and Social Stability of Migrant Workers*.

Antara intipati pertemuan tersebut ialah aktiviti kesedaran anjuran SUHAKAM dalam menangani isu berkaitan pekerja migran di Malaysia di samping perbincangan mengenai polisi dan cabaran dalam melindungi hak asasi pekerja migran di Malaysia. SUHAKAM berharap agar perkongsian maklumat antara kedua belah pihak dapat dimanfaatkan bersama dalam memperkasakan hak asasi manusia pekerja migran.



16 NOVEMBER 2023

FORUM SEDEKAD (2013 - 2023) SELEPAS INKUIRI NASIONAL MENGENAI HAK TANAH ORANG ASAL DAN ORANG ASLI SUHAKAM

SUHAKAM menerusi Bahagian Dasar (PD) telah menganjurkan Forum Sedekad (2013-2023) Selepas Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal dan Orang Asli SUHAKAM bertempat di Kuala Lumpur. Forum tersebut dihadiri oleh 138 orang peserta terdiri daripada komuniti orang asal dan orang asli, wakil Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak, Agensi Kerajaan Persekutuan, badan bukan Kerajaan dan organisasi masyarakat sivil (CSO). Antara objektif utama forum adalah untuk meninjau kembali Laporan Inkuiri Nasional dan mendapatkan maklum balas berhubung pelaksanaan syor-syor yang terkandung dalam laporan tersebut.

Untuk rekod, pada tahun 2010, SUHAKAM telah menjalankan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal dan Orang Asli (Inkuiri Nasional) di Malaysia. Laporan Inkuiri Nasional yang berjalan selama 3 tahun itu telah diterbitkan pada tahun 2013 dan dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada 19 Julai 2013. Sebanyak 17 daripada 18 syor yang terkandung dalam laporan tersebut diterima oleh Kerajaan. Seterusnya, Kerajaan telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas bagi mengkaji hasil dapatan dan syor laporan tersebut diikuti penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli (JKKHTOA) pada tahun 2015.

Namun, selepas 10 tahun sejak penyerahan Laporan Inkuiri Nasional, isu yang dibangkitkan dalam laporan tersebut masih berlaku. Oleh sebab itu, SUHAKAM mengambil inisiatif menganjurkan forum sedekad ini.

SUHAKAM merakamkan penghargaan kepada mantan Pesuruhjaya SUHAKAM merangkap ahli panel/perunding bebas Inkuiri Nasional iaitu YBhg. Datuk Dr. Khaw Lake Tee, YBhg. Datuk Dr. Denison Jayasooria dan YB Puan Jannie Lasimbang; Tuan Johari Alwi, Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Negeri Pahang; YBhg. Datuk Dr. Ahemad Sade, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah (Pembangunan); dan YBhg. Datu Buckland Bangik, Timbalan Setiausaha Kerajaan Sarawak (Pentadbiran) yang sudi hadir pada forum ini.



20 - 23 NOVEMBER 2023



BENKEL DALAM MENGATASI MASALAH KESEKAPAN DI PENJARA: PENDEKATAN PRAKTIKAL DAN DASAR

SUHAKAM melalui Bahagian Aduan dan Pemantauan (CMD) telah menganjurkan Bengkel Dalam Mengatasi Masalah Kesusakan di Penjara : Pendekatan Praktikal dan Dasar di Hotel Ibis, Melaka. Bengkel tersebut dihadiri oleh 34 pegawai kanan dari pelbagai agensi Kerajaan termasuk Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Peguam Negara, Badan Kehakiman, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Turut hadir, 9 orang wakil badan bukan Kerajaan bagi sama-sama berkongsi pandangan dan cadangan.

Antara pengisian menarik sepanjang bengkel selama 3 hari tersebut ialah lawatan ke Penjara Sungai Udang, Melaka di mana peserta berpeluang melihat keadaan sebenar tahanan di dalam penjara serta memahami dengan lebih mendalam masalah kesesakan tahanan di penjara mengikut perundangan sedia ada.

22 - 23 NOVEMBER 2023

PERSIDANGAN ANTARABANGSA 2023 MENGENAI PEMBANGUNAN HAK ASASI MANUSIA

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan, Taiwan (NHRC) telah menganjurkan Persidangan Antarabangsa 2023 mengenai Hak Asasi Manusia dan Pembangunan di Taipei, Taiwan. Pesuruhjaya YM Tengku Mohamed Fauzi Tengku Abdul Hamid telah menghadiri persidangan tersebut selaku ahli panel bagi Sesi 2: Perubahan Iklim dan Tanggungjawab Syarikat - Peranan Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRI) dalam Mempromosi Tanggungjawab Syarikat untuk Menghormati Hak Asasi Manusia.

Persidangan yang berlangsung selama 2 hari tersebut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kesan perubahan iklim terhadap orang kurang upaya, wanita dan orang asli yang memfokuskan kepada tugas NHRI dalam mitigasi perubahan iklim dan tanggungjawab syarikat dalam konteks perubahan iklim.



WEBINAR SISTEM UNDI POS LUAR NEGARA: PERANAN, ISU, CABARAN DAN CADANGAN UNTUK MASA HADAPAN

SUHAKAM melalui Bahagian Dasar (PD) telah menganjurkan Webinar Sistem Undi Pos Luar Negara yang mengupas peranan, isu, cabaran dan cadangan masa hadapan berkaitan sistem tersebut. Webinar selama lebih 2 jam tersebut dihadiri oleh 33 peserta antaranya mewakili agensi Kerajaan, badan bukan Kerajaan (NGO), organisasi masyarakat sivil (CSO), Jabatan Peguam Negara dan persatuan pelajar Malaysia.

Pelbagai isu berkaitan sistem undi pos luar negara dibincangkan secara terperinci dalam webinar tersebut seperti maklumat dan status pemilih yang tidak dikemaskini, ketiadaan maklumat penjejakan nombor pesanan, kesukaran mendapatkan saksi warganegara Malaysia, kesilapan teknikal dalam penghantaran kertas undi dan sebagainya.

Bagi memastikan maklum balas yang diterima sepanjang webinar tersebut berlangsung dapat dimanfaatkan sepenuhnya, Sekretariat merancang mengadakan kunjungan hormat ke atas wakil Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) agar sistem undi pos luar negara dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan lancar pada masa akan datang.





28 - 29 NOVEMBER 2023

BENGGEL RINTIS MODUL HAK ASASI MANUSIA UNTUK PENDIDIK

Bermula tahun 2021, SUHAKAM melalui Bahagian Pendidikan dan Kemasyarakatan (EOD) dengan kerjasama Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) telah membangunkan draf Modul Hak Asasi Manusia untuk Pendidik bagi menyediakan dan memperkasa pengetahuan ilmu hak asasi manusia dalam kalangan bakal pendidik. Modul yang lengkap itu nanti merupakan panduan kepada para pensyarah di Institut Pendidikan Guru (IPG) dalam menyampaikan pengetahuan hak asasi manusia kepada para penuntut IPG.

Bagi memastikan draf modul yang dihasilkan memenuhi objektif yang disasarkan, sekretariat SUHAKAM dan IPGM telah merancang penganjuran beberapa bengkel rintis pada tahun 2023 dan 2024.

Sebanyak 3 buah bengkel telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2023 di IPG berikut:

- IPG Kampus Perempuan Melayu Melaka – 2 dan 3 November 2023
- IPG Tengku Ampuan Afzan – 23 dan 24 November 2023
- IPG Pulau Pinang – 28 dan 29 November 2023

SUHAKAM merakamkan penghargaan kepada pihak IPGM atas kerjasama dan komitmen yang diberikan sepanjang proses pembikinan modul ini.



4 - 5 DISEMBER 2023

PERSIDANGAN SERANTAU MIDTERM REVIEW AND PROGRESS ASEAN ENABLING MASTERPLAN 2025



SUHAKAM yang diwakili oleh Pesuruhjaya Dr. Chew Chee Ming, telah menyertai Persidangan Serantau anjuran ASEAN *Intergovernmental Commission on Human Rights* (AICHR) mengenai *Midterm Review and Progress ASEAN Enabling Masterplan 2025*.

Persidangan yang berlangsung di Bangkok, Thailand itu merupakan pelan induk yang menekankan pengupayaan Orang Kurang Upaya (OKU) kepada 3 tunggak ASEAN iaitu sosio-budaya; politik dan keselamatan; serta ekonomi.

Penyertaan SUHAKAM dalam persidangan ini selaras dengan komitmen padu Kerajaan dalam memperkasakan hak orang kurang upaya di Malaysia, sementelah Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD) pada tahun 2010.



BENGGEL PERANAN INSTITUSI HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN (NHRI) DAN ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL (CSO) DALAM PEMANTAUAN DAN PELAPORAN BADAN TRITI DI MALAYSIA

SUHAKAM dengan sokongan Kesatuan Eropah (EU) atau *European Union in Malaysia* telah menganjurkan Bengkel Peranan Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRI) dan Organisasi Masyarakat Sipil (CSO) dalam Pemantauan dan Pelaporan Badan Tritis di Malaysia secara hibrid di Hotel Swiss-Garden, Bukit Bintang, Kuala Lumpur dan platform Zoom. Bengkel tersebut disertai oleh seramai 50 orang peserta secara bersemuka dan dalam talian yang mewakili pelbagai CSO di Malaysia.

Bengkel kendalian pakar rujuk daripada Pejabat Pesuruhjaya Tinggi untuk Hak Asasi Manusia (OHCHR) Pejabat Serantau Asia Tenggara (*UN Human Rights – Asia*) tersebut bertujuan untuk mempersiapkan SUHAKAM dan CSO dengan kemahiran serta strategi yang perlu dalam urusan pemantauan dan pelaporan situasi hak asasi manusia semasa di Malaysia khususnya yang melibatkan 3 badan triti antarabangsa yang telah diterima pakai oleh Malaysia iaitu Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW), Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) dan Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD).





7 DISEMBER 2023

MAJLIS PELANCARAN RINGKASAN DASAR MENGENAI HAK PENDIDIKAN KANAK-KANAK PELARIAN DAN TANPA KEWARGANEGARAAN

Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak (OCC) dengan kerjasama Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) dan *Asia Displacement Solutions Platform* (ADSP) telah menganjurkan Majlis Pelancaran Ringkasan Dasar mengenai Hak Pendidikan Kanak-kanak Pelarian dan Tanpa Kewarganegaraan.

Ringkasan dasar tersebut adalah hasil daripada Perbincangan Meja Bulat yang diadakan pada 10 Mei 2023 yang mengumpulkan pelbagai pendapat dan ulasan daripada pihak berkepentingan dan pemegang taruh yang berkaitan. Ia bertujuan untuk meneroka kesenjangan dan cabaran yang sedang dihadapi oleh kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan dalam mendapatkan akses kepada pendidikan di Malaysia. Selain itu, ia juga membentangkan cadangan dan resolusi alternatif kepada kerajaan dalam menyediakan pendidikan berkualiti yang lebih terjamin dan dipertingkatkan untuk kanak-kanak daripada pelbagai lapisan masyarakat.

SUHAKAM mengalu-alukan usaha dan komitmen Kerajaan dalam merealisasikan hak semua kanak-kanak di Malaysia kepada pendidikan menerusi pelbagai pendekatan dan inisiatif.



9 - 10 DISEMBER 2023



SAMBUTAN PESTA HAK ASASI MANUSIA SARAWAK 2023

SUHAKAM telah menerima jemputan untuk bersama-sama dengan gabungan badan bukan kerajaan (NGO) di Sarawak dalam sambutan Pesta Hak Asasi Manusia Malaysia Sarawak 2023 di La Promenade Mall, Kuching. Pesta anjuran bersama RENCANA, Purple Lily Kuching, Persatuan Pemangkin Daya Masyarakat (R.O.S.E), Lawyer Kamek dan juga Sarawak AIDS Concern Society (SACS) berjaya menghimpunkan 12 buah NGO di samping SUHAKAM.

Sambutan tersebut telah dirasmikan oleh Dr. Farah Nini Dusuki, Pesuruhjaya Kanak-Kanak. Selain penyertaan pameran selama 2 hari yang dijayakan oleh Pejabat SUHAKAM Sabah, SUHAKAM turut terlibat dalam forum bertajuk *Rights of Children*. Antara perkara yang dibincangkan dalam forum tersebut ialah hak pendidikan kepada kanak-kanak termasuk kanak-kanak tanpa kewarganegaraan, kepentingan akses kepada kemudahan kesihatan bagi kanak-kanak tanpa kewarganegaraan untuk mendapatkan vaksinasi bagi mengelakkan penyakit berjangkit serta pentingnya pengumpulan data untuk menangani isu perkahwinan kanak-kanak.





12 DISEMBER 2023

SAMBUTAN HARI HAK ASASI MANUSIA 2023

Bertempat di Hotel Royale Chulan Kuala Lumpur, SUHAKAM bersama-sama Kementerian Luar Negeri, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri, dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Malaysia telah menganjurkan sambutan Hari Hak Asasi Manusia 2023.

Bersempena sambutan ulang tahun ke-75 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR75), forum bertajuk UDHR75: Perjalanan Malaysia Dalam Memajukan Agenda Hak Asasi Manusia Melalui Penilaian Berkala Sejagat diangkat sebagai salah satu pengisian utama majlis.

Majlis yang dirasmikan oleh YB Datuk Mohamad Alamin, Timbalan Menteri Luar Negeri itu turut menyaksikan peluncuran Buku Panduan Cadangan Aktiviti untuk Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia (ATHAM) di sekolah yang akan dijadikan panduan para guru di sekolah rendah dan menengah untuk menyampaikan ilmu hak asasi manusia dalam suasana yang lebih santai, di bawah program ATHAM.

Diharapkan sesi tersebut dapat membantu tenaga pengajar untuk memanfaatkan modul ini secara maksima dalam memberi pendidikan hak asasi manusia kepada anggota dan pegawai PDRM pada masa hadapan.



SOROTAN LENSA SEKITAR SAMBUTAN HARI HAK ASASI MANUSIA 2023



MESYUARAT BERSAMA BAHAGIAN SIASATAN JENAYAH SEKSUAL WANITA DAN KANAK-KANAK (D11), BUKIT AMAN

OCC telah mengadakan mesyuarat tertutup bersama D11 Bukit Aman yang telah dipengerusikan oleh ACP Puan Siti Kamsiah Hassan, Ketua Penolong Pengarah D11, PDRM Bukit Aman manakala delegasi OCC pula diketuai oleh YBrs. Dr. Farah Nini Dusuki. Tujuan mesyuarat adalah untuk membincangkan mengenai isu aduan yang diterima OCC dan tatacara pengendalian piawai dalam pengurusan kes kanak-kanak di balai polis dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD). Diharapkan agar kerjasama dan jalinan baik yang terbina antara OCC dan D11 dapat diperkukuhkan lagi demi kepentingan terbaik kanak-kanak di Malaysia.



18 DISEMBER 2023

KUNJUNGAN KE ATAS PENGERUSI INSTITUT PENGAJIAN ISLAM LANJUTAN ANTARABANGSA (IAIS)

Delegasi SUHAKAM berkunjung ke pejabat Prof. Dr. Maszlee Malik, Pengerusi Institut Pengajian Islam Lanjutan Antarabangsa (IAIS) dalam usaha meneroka hubungan kerjasama antara SUHAKAM dan IAIS pada masa hadapan khususnya daripada aspek advokasi mengenai hak asasi manusia di Malaysia.

SUHAKAM amat berharap agar segala perancangan kerjasama yang dibentangkan dalam kunjung tersebut akan dapat direalisasikan dalam usaha meningkatkan lagi kesedaran dan kefahaman masyarakat di Malaysia mengenai hak asasi manusia.





SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA



SUHAKAM
HAK ASASI UNTUK SEMUA

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia

Ikuti kami di platform media sosial



ADUAN

Aduan boleh dihantar kepada SUHAKAM secara individu / berkumpulan melalui telefon, faks, e-mel dan sistem aduan SUHAKAM: <http://aduan.suhakam.org.my/eApps/system/index.do>

Ibu Pejabat Kuala Lumpur

Tingkat 11, Menara TH Perdana,
1001, Jalan Sultan Ismail,
50250, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan
Tel : 03-26125600
Fax : 03-26155620
e-mel : humanrights@suhakam.org.my

Pejabat Sarawak

Suite 8.01, 8.02 & 8.03, Tingkat 8,
Tun Jugah Tower, Jalan Tunku Abdul Rahman,
93100, Kuching, Sarawak
Tel : 082-234650
Fax : 082-254937
e-mel : sarawak@suhakam.org.my

Pejabat Sabah

Suite W1 & E1, Tingkat 8, CPS Tower,
No. 1 Jalan Centre Point,
88000, Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088-317405
Fax : 088-317406
e-mel : sabah@suhakam.org.my